

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

SBW200 - Teori Pembangunan

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan sahaja. Tiap soalan membawa 100 markah.

1. Huraikan kenapa teori-teori pembangunan di bawah sering dipertikaikan.
 - a) pertumbuhan
 - b) pergantungan

(100 Markah)

2. Apakah saranan utama teori struktur dan jelaskan apakah sumbangan-sumbangan utama Prebisch, Singer dan Myrdal kepada teori tersebut.

(100 Markah)

3. Nampaknya penggerak utama pembangunan di negara-negara membangun telah bertukar daripada campurtangan kerajaan kepada kuasa pasaran. Huraikan kenapa perubahan ini berlaku.

(100 Markah)

4. Bincangkan kenapa sebahagian besar penduduk negara-negara membangun, baik di luar bandar maupun di bandar terus berada dalam kemiskinan?

(100 Markah)

5. Setakat manakah kolonialisme mendorong pembangunan negara perindustrian baru? Apakah faktor-faktor lain yang menyokong?

(100 Markah)

6. Teori pembangunan hari ini sedang mengalami satu krisis. Bincangkan.

(100 Markah)